

Artikel Penyelidikan

Menyelusuri sejarah Kampung Padang Jawa Selangor.

Faiz Nur Rasyiqah Rauqah Mohamad Fadzli¹, Wan Mohamad Nuzul Iekuel Wan Mohd Nor² dan Jafalizan Md Jali^{3*}

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021601116@student.uitm.edu.my

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 202185893@student.uitm.edu.my

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; +60192055563.

Abstrak: Satu temubual telah dijalankan bersama salah seorang penduduk tertua yang tinggal di Kampung Padang Jawa pada 24 November 2023 di Bilik Gerakan Muay Thai di Kampung Padang Jawa selama 2 jam 19 saat dalam merungkai sejarah Kampung Padang Jawa. Objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk Mendokumentasikan sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa, Mengkaji kegiatan aktiviti kebudayaan di Kampung Padang Jawa dan Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dilalui pembentukan Kampung Padang Jawa. Temubual ini dijalankan untuk mengetahui Bilakah bermulanya sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa, apakah kegiatan aktiviti kebudayaan di Kampung Padang Jawa dan Apakah cabaran-cabaran yang dilalui semasa pembentukan Kampung Padang Jawa. Padang Jawa adalah sebuah bandar kecil di Selangor, Malaysia yang berdekatan dengan Bandar Baru Klang. Kampung Padang Jawa (Petaling) merupakan sebuah kampung tradisional yang terletak diantara 2 buah bandar iaitu Bandar Klang dan Bandaraya Shah Alam. Jaraknya dari bandar Klang lebih Kurang 8 km dan dari Shah Alam lebih kurang 5 km. Kampung ini sangat unik kerana berada di bawah pentadbiran dua daerah iaitu satu bahagian di bawah Daerah Klang dan sebahagian lagi di dalam Seksyen 16, Shah Alam di bawah pentadbiran Daerah Petaling.

Kata kunci: Kampung Padang Jawa, Klang, Petaling, Shah Alam

DOI: 10.5281/zenodo.10910214



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kampung adalah istilah yang sering digunakan untuk menyebut sebuah perkampungan atau desa kecil. Istilah ini umumnya digunakan dalam konteks masyarakat Asia Tenggara, terutama di negara seperti Indonesia, Malaysia, dan Brunei. Kampung biasanya terdiri dari sejumlah rumah-rumah yang terletak dekat satu sama lain, seringkali di sekitar lapangan atau jalan utama. (*Contributors to Wikimedia projects*, 2023) Menurut takrifan universal, ialah sebuah penempatan manusia di kawasan luar bandar. Biasanya ia lebih kecil daripada pekan. Secara umum, kata "kampung" dapat dianggap sebagai padanan dari kata "desa" atau "kelurahan" dalam konteks perkotaan.

Menurut kajian berpusat daripada Universitas Islam Indonesia, Kampung merupakan suatu kesatuan lingkungan tempat tinggal yang dihuni oleh sekelompok masyarakat yang terdiri dari kesatuan keluarga-keluarga. Kumpulan sejumlah kampung disebut desa.(Universitas Islam Indonesia,

2017) Di Indonesia, penggunaan istilah "kampung" mungkin lebih umum di daerah Jawa, tetapi varian istilah seperti "kampong" atau "kampung" juga dapat ditemui di berbagai daerah. Pada dasarnya, istilah ini mencerminkan kehidupan masyarakat pedesaan atau permukiman kecil yang memiliki karakteristik khas masing-masing.

Kajian mengenai kampung ini telah melibatkan beberapa siri temubual dengan menggunakan kaedah sejarah lisan yang dijalankan bersama dua orang penduduk tempatan iaitu seorang penduduk tertua dan pengurus komuniti madani kampung bagi mendalami dengan lebih baik berkenaan sejarah pembentukan Kampung Padang Jawa, dari sudut pandang sosial-ekonomi dan budaya. Pemahaman yang lebih baik tentang pembentukan ini akan memberikan wawasan penting tentang bagaimana masyarakat setempat beradaptasi dengan perubahan, sekaligus menjaga identitas dan warisan mereka.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam usaha kami untuk memahami dan merungkai sejarah Kampung Padang Jawa, kami menemukan beberapa permasalahan yang perlu dikaji ataupun selesaikan. Antara permasalahannya adalah kewujudan kawasan bagi kampung ini. Bagi merungkai sejarah Kampung Padang Jawa, kajian ini melibatkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat dari pelbagai sumber untuk membentuk naratif yang komprehensif. Natiyahnya, carian di Internet tidak begitu memberangsangkan bagi membantu kajian mengenai sejarah Kampung Padang Jawa. Oleh yang demikian, bagi mendapatkan maklumat spesifik mengenai Kampung Padang Jawa, perkara yang perlu dilakukan adalah dengan melakukan kajian ini bagi memastikan sejarah kampung tersebut dapat kekal dan dapat dijadikan warisan budaya di Malaysia ini.

Menurut Sarah Sabir (2015), nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah di ditelan arus masa dan kemodenan. Ianya juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi dan identiti masyarakat terdahulu. Justeru, kaedah sejarah lisan ini digunakan dalam kajian ini bagi mendokumentasikan dan merungkai sejarah awal Kampung Padang Jawa.

Permasalahan kajian yang seterusnya adalah hak warisan ataupun pewartaan mengenai kawasan Kampung Padang Jawa. Apabila kajian ini dijalankan, negara luar tiada hak untuk menuntut mana-mana sejarah kampung di Malaysia ini. Berdasarkan Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129] daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, telah diperkenalkan pindaan ini bagi memperkenalkan beberapa pendekatan baru khususnya dalam sistem rancangan pemajuan dan juga kawalan perancangan dalam Akta 172. (Portal Rasmi PLANMalaysia - Utama, n.d.) Sebagai contoh, isu tuntutan ini merupakan isu yang berat jika melibatkan penempatan di Malaysia,. Seperti mana wujudnya isu tuntutan hak ke atas Pulau Batu Putih yang menyebabkan berlakunya konflik antara dua negara iaitu Malaysia dan Singapura. Kajian ini adalah perlu bagi memastikan sejarah dan latar belakang sesuatu penempatan di Malaysia itu dapat dijadikan bukti yang kukuh dimana hak warisan budaya tersebut adalah milik negara kita.

Tujuan dari kajian ini adalah untuk menyelidiki permasalahan yang timbul dalam konteks sejarah pembentukan Kampung Padang Jawa. Dengan demikian, kajian ini dapat menjadi satu platform yang signifikan untuk dijadikan rujukan bagi para penyelidik dan generasi akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:

- i. Mendokumentasikan sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa
- ii. Mengkaji kegiatan aktiviti kebudayaan di Kampung Padang Jawa
- iii. Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dilalui pembentukan Kampung Padang Jawa

4. PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang dapat merungkai objektif-objektif di atas:

- i. Bila bermulanya sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa?
- ii. Apakah kegiatan aktiviti kebudayaan yang berlaku di Kampung Padang Jawa?
- iii. Apakah cabaran yang dilalui semasa pembentukan Kampung Padang Jawa?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Sejarah lisan merupakan satu metodologi ataupun kaedah yang tertua dalam disiplin ilmu sejarah yang dipelopori oleh Herodotus yang menjalankan proses temu ramah individu untuk mendapatkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang dianggap penting pada masa lampau. Ia wujud semasa kemajuan teknologi dan penemuan baharu, dan ia sesuai dengan perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera, dan kehidupan moden. Kajian sejarah lisan dikatakan menarik kerana penyelidik akan bertemu dengan pengalaman baharu, melihat sejarah dari pelbagai sudut pandangan, dan belajar lebih banyak tentang personaliti manusia. (Universiti Sains Malaysia et al., 2012)

Menurut kajian Universiti Sains Malaysia et al. (2012, p. 66) Sejarah lisan adalah proses melibatkan orang yang menceritakan peristiwa dengan pengumpul maklumat yang memperkatakan peristiwa yang lepas dan dirujuk daripada ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan informan. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Ianya terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat (*folklore*) seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Abdul Rahman, 1996).

Maka dengan itu, kajian ini membuktikan betapa pentingnya sejarah awal perkampungan di Malaysia, bagaimana perkembangan kampung itu sendiri dan kepentingan yang diperolehi jika kita menjaga dan mengekalkan sejarah perkampungan di Malaysia ini. Disebalik pesatnya pembangunan ke arah memodenkan sesebuah penempatan bagi keselesaan masyarakat, namun janganlah sehingga merubah lanskap Sejarah yang tertanam di dalam kawasan kampung tersebut itu sendiri.

Seterusnya, kajian ini dijalankan kerana ianya penting bagi memastikan generasi yang akan datang dapat mengambil tahu dan sebagai rujukan untuk mereka mengenai sejarah dan perkembangan kampung di Kampung Padang Jawa ini. Kajian ini menyediakan rekod dan pemahaman mendalam tentang sejarah dan tradisi Kampung Padang Jawa. Informasi ini dapat dijadikan sumber rujukan untuk memahami asal usul, perkembangan, dan nilai-nilai yang dipegang teguh oleh generasi terdahulu. Generasi akan datang dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan untuk memahami warisan budaya dan identiti tempatan mereka. Kajian ini dapat membantu mereka menyedari tentang keunikan kampung, nilai-nilai tradisional, dan menyumbang kepada kesinambungan identiti tempatan.

Akhir sekali adalah bagi merekod sejarah sejarah warisan yang terdapat di kawasan setempat. Merekod sejarah warisan yang terdapat di kawasan setempat, termasuk Kampung Padang Jawa, adalah penting untuk memastikan pemeliharaan dan kesinambungan warisan budaya. Dengan adanya kajian ini dan temu bual bersama penduduk tempatan, terutamanya yang telah tinggal di kawasan tersebut untuk waktu yang lama dengan mendengar cerita mereka, pengkaji dapat mendapatkan pencerahan mengenai tradisi, adat resam, dan peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan kawasan tersebut.

6. TINJAUAN LITERATUR

Sejarah Penempatan Kampung di Malaysia

Sejarah penempatan kampung di Malaysia mencerminkan perjalanan panjang dan kompleks negara ini dari zaman prasejarah hingga zaman moden. Pada zaman prasejarah, masyarakat pribumi seperti Orang Asli hidup dalam penempatan kampung sebagai pemburu, pengumpul, dan petani. Seiring masuknya pengaruh Hindu-Buddha dan penyebaran Islam, pola penempatan kampung mengalami perubahan signifikan. Di bawah kesultanan Melayu, kampung-kampung mulai berkembang di sekitar pusat-pusat pemerintahan. Kolonialisme Portugis, Belanda, dan Inggris membawa perubahan besar dalam pola penempatan kampung, dengan pembentukan kampung-kampung untuk memfasilitasi perdagangan dan eksloitasi sumber daya alam.

Selama abad ke-19 dan ke-20, industrialisasi dan modernisasi menyebabkan urbanisasi yang signifikan, dengan migrasi penduduk ke kota-kota besar. Pasca-kemerdekaan, pemerintah Malaysia meluncurkan program-program pembangunan untuk meningkatkan kualiti kehidupan di kampung-kampung, termasuk pembangunan infrastruktur dan transformasi luar bandar. Meskipun mengalami transformasi besar, kampung-kampung di Malaysia masih memainkan peran penting dalam mempertahankan warisan budaya dan identiti sosial negara ini. Melalui perjalanan sejarahnya, penempatan kampung terus menjadi titik fokus kehidupan masyarakat tradisional dan menjadi inti dari keberagaman budaya Malaysia.

Perkampungan di Selangor

Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak PLAN Malaysia @ Selangor pada tahun 2016 menemukan terdapat 111 buah Kampung Tradisi yang telah berusia atau wujud lebih daripada 100. Rajah dibawah menunjukkan nama daerah beserta kawasan kajian iaitu Kampung Padang Jawa. (KAMPUNG TRADISI | Dewan Negeri Selangor, 2020)

Daerah: Klang		Usia	
Bil.	Nama Kampung	Tahun diasaskan	Kampung (2018)
81	14. Kg. Padang Jawa Klang	1880	138
82	15. Kg. Delek	1899	119
83	16. Kg. Jawa	1860	158
84	17. Kg Batu 7 Jalan Kebun	1890	128

Rajah 1: Senarai nama kampung di daerah Klang beserta usia kampung pada tahun 2018

Mengikut maklumat yang diperolehi melalui laman sesawang Dewan Negeri Selangor, pada tahun 2018 didalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2018 masih belum ada pengesongan agar kampung-kampung tradisi di Selangor diwartakan sebagai warisan budaya negara. Ini adalah kerana di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, (Akta 645) tiada klausma untuk pewartaan kampung tradisi sebagai warisan budaya negara. Walau bagaimanapun, di Malaysia memang ada terdapat kampung-kampung tradisi yang dipulihara dan dipelihara untuk dijadikan sebagai produk Kampung-kampung tersebut adalah seperti Kampung Seronok di Pulau Pinang dan Perkampungan Hang Tuah di Melaka. (*KAMPUNG TRADISI | Dewan Negeri Selangor, 2020*)

Sejarah Penempatan Orang Jawa di Selangor

Penelusuran sejarah penempatan kampung di Malaysia membuka jendela ke masa lalu yang memperlihatkan bagaimana pola penempatan ini telah berkembang seiring waktu. Begitu juga dengan sejarah penempatan Orang Jawa di Selangor. Sidek (n.d.) membahaskan mengenai penghijrahan Orang Jawa di Selangor adalah antara punca utama penempatan Orang Jawa di Selangor. Pada sekitar tahun 1890 an, masyarakat melayu yang menetap di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada pedagang daripada Sumatera dan Jawa (Gullick, 1993:34). Di daerah Klang, telah dikesan aktiviti perdagangan yang diketuai oleh pedagang jawa yang diketuai oleh Syeikh Mohd Taib (MISC 183/80 Kuala Lumpur). Pada tahun 1930 an, kebanyakkan peniaga melayu yang bermiaga di kawasan *Batu Road, Melaka Street* dan *Malay Street* adalah terdiri daripada orang Jawa dari Sumatera. Masyarakat Jawa di Selangor kebanyakannya memilih penempatan di kawasan pertanian, mereka memilih cara hidup dengan bercucuk tanam dan berkebun. (Noriah Mohamed,2001:223)

Dalam laporan Pegawai Daerah Klang sewaktu melawat Teluk Menegun dan Kampung Jawa dalam tahun 1890, beliau ada mencatatkan penemuannya tentang kawasan penempatan yang dibuka oleh orang Jawa. Hasil temuramah dengan beberapa orang penduduk lama serta waris kepada peneroka kawasan yang asal, Khazin Mohd Tamrin(1978: 77) telah menemui maklumat tentang asal usul pembukaan beberapa kawasan penempatan di Klang. Meskipun kebanyakkan penempatan di Negeri Selangor dibuka oleh orang Bugis yang merantau, tetapi terdapat juga bukti penempatan yang dibuka oleh orang Jawa yang berhijrah ke Selangor, terutamanya di Klang. Menurut Khazin (1978:73), Kampung Jawa telah dibuka sekitar tahun 1860 an, antara nama yang disebut sebagai pelopor pembukaan kawasan ini ialah Haji Hussein dan Haji Mohammad Tahir yang berasal dari BatuBara, Sumatera. Kawasan ini dikatakan telah dibuka sekitar tahun 1875 oleh Haji Latiff yang dikatakan berasal dari Semarang.(Khazin, 1978: 73).

Sejarah Kampung Padang Jawa

Menurut sumber portal rasmi kerajaan negeri, Kampung Padang Jawa (Petaling) merupakan sebuah kampung tradisional yang terletak diantara 2 buah bandar iaitu Bandar Klang dan Bandaraya Shah Alam. Jaraknya dari bandar Klang lebih Kurang 8 km dan dari Shah Alam lebih kurang 5 km. Kampung ini sangat unik kerana berada di bawah pentadbiran 2 daerah iaitu satu bahagian di bawah pentadbiran Daerah Klang dan sebahagian lagi di bawah pentadbiran Daerah Petaling. Garis sempadan di antara kedua-dua daerah ini terletak di tengah-tengah kampung ini. Kampung ini juga istimewa kerana mempunyai 3 jalan masuk ke kampung ini iaitu dari Klang, Shah Alam dan Lebuhraya Persekutuan (*Federal Highway*). Kampung Padang Jawa ini merupakan diantara salah sebuah kampung yang tertua di dalam Daerah Klang dan Petaling di mana ia telah wujud sejak tahun 1880. Menyingkap sejarah kewujudan kampung ini bahawa kampung ini telah wujud kira-kira sekitar tahun 1880. (*Portal Rasmi PDT Petaling Mukim Bukit Raja : Kampung Padang Jawa, n.d.*)

Kampung Padang Jawa merupakan salah satu kampung dalam bandar dan sebahagian dari warisan kebudayaan dan sejarah lokal, mencerminkankekayaan tradisional yang mengakar kuat dalam masyarakat setempat. Terletak di daerah yang berkembang pesat, kampung ini mengalami transformasi signifikan seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial di sekitarnya.

Sejarah panjang Kampung Padang Jawa merangkumi pelbagai sumber dan versi yang telah sedia ada termasuk limpahan tradisi budaya, kehidupan masyarakat, dan warisan lokal yang unik. Namun, dalam beberapa tahun terakhir, percepatan urbanisasi dan pertumbuhan ekonomi di wilayah sekitarnya telah memberikan impak pada kehidupan kampung tersebut. Fenomena ini memunculkan pertanyaan penting tentang bagaimana perubahan ini mempengaruhi aspek-aspek yang dikaji mengenai Kampung Padang Jawa.

Kegiatan Ekonomi

Sebelum tahun 1960 an, Kampung Padang Jawa merupakan kawasan pertanian, kampung Padang Jawa merupakan sebuah kawasan pertanian,ianya terkenal dengan dusun buah- buahan dan hasil sungai dan pokok getah. Pekerjaan utama penduduk kampung ini ialah sebagai pekebun getah ,buruh dan nelayan. Sungai Klang yang ada di kampung ini adalah merupakan punca sumber rezeki kepada nelayan dengan hasil tangkapan seperti ikan ,udang galah dan sebagainya.jumlah penduduk kampong pada ketika itu hanya sekitar 400 orang sahaja .Majoriti penduduk kampung ini terdiri dari kaum Jawa,Melayu dan terdapat kaum cina dan India. (Riezman, n.d.-b)

Kegiatan ekonomi berubah apabila revolusi industri melanda sekitar kampung ini pada Tahun sekitar 1960 an. Banyak kawasan industri tumbuh di persekitarannya seperti Shah Alam, Sg.Rasau dan Padang Jawa, kilang CCM adalah antara kilang yang pertama yang telah wujud di kawasan ini. Kebanyakkann penduduk kampung ini telah bertukar kerjaya sebagai pekerja kilang. Penduduk kampung mula bertambah dengan pesat apabila datang penghijrahan dari negeri-negri lain ke semenanjung Malaysia ini. Kampung Padang Jawa ini diibaratkan sebagai pelombong emas berehat selepas penat bekerja kerana kampung ini sahaja kawasan penempatan yang ada pada ketika itu. (Riezman, n.d.-b)

Stesen Kereta Api

Menurut Riezman (n.d.-b), Dizaman era empat puluhan terdapat 2 stesen kereta api dalam kampung ini kerana ditengah-tengah kawasan kampung ini menjadi laluan keretapi dari Kuala Lumpur ke Klang, Pelabuhan Klang dan Kuala Selangor. Satu stesen terletak dimana sekarang ini dijadikan kawasan rumah kediaman kakitangan KTM. Satu lagi stesen, terletak di penghujung kampung berhampiran Jalan Connaught Bridge.

Stesen Keretapi Padang Jawa merupakan stesen perhentian untuk penumpang dan juga sebagai tempat memuat dan memunggah barang bagi keretapi yang dikenali Keretapi Barang. Pada waktu itu stesen tersebut amat penting sebagai perhubungan dari bandar ke bandar. Waktu itu juga hanya keretapi sahajalah sebagai kenderaan pengangkutan yang paling mudah. Dikendalikan oleh seorang Stesen Master yang tinggal di kuarters berhampiran.

Stesen Keretapi berhampiran Jambatan Bailey Connaught Bridge. Stesen ini sebagai tempat persimpangan kereta untuk menghala ke Kuala Selangor dan ke Klang. Pada masa ini jalan keretapi yang menghala ke Kuala Selangor telah ditutup memandangkan tiada ekonomi dan tidak diperlukan lagi. Juga dijadikan sebagai tempat perhentian penumpang. Kini kawasan tersebut terbiar dan sebahagian kawasan telah diteroka yang mana sekarang ini dikenali sebagai Kawasan Seri Kenangan. (Riezman, n.d.-b)

Nama Jalan di Kampung Padang Jawa

Wujudnya sejarah mengenai nama kampung, maka wujudlah juga sejarah mengenai jalan-jalan di Kampung Padang Jawa. Berdasarkan laman sesawang portal rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, kampung ini mempunyai 3 nama jalan yang mempunyai sejarah tersendiri. (*Portal Rasmi PDT Petaling Mukim Bukit Raja : Kampung Padang Jawa*, n.d.-b)

Jalan Mat Raji diberi nama bersempena dengan usaha seorang tokoh, iaitu Haji Mohamad Raji, terbentuklah nama Jalan Mat Raji bersempena dengan nama tokoh besar suatu ketika dulu di Kampung Padang Jawa. Beliau terkenal dengan sikap beliau yang tegas dalam menangani sesuatu isu. Sewaktu Zaman Jepun rumah beliau adalah antara tempat utama yang dijadikan tempat perlindungan penduduk penduduk kampung. Panjang Jalan ini adalah sekitar 800 - 900 meter. Sekiranya anda menuruni Jambatan Padang Jawa, anda perlu memblok ke kiri untuk ke jalan ini.

Manakala Jalan Bilal Wondo diberi nama sempena seorang lagi tokoh dan antara pengasas Kampung Padang Jawa Petaling. Beliau ialah Allahyarham Tn Haji Wondo. Sewaktu hayatnya, beliau adalah Bilal pertama bagi Masjid Padang Jawa yang sekarang ini dikenali sebagai Masjid As Solihin. Di waktu zaman perkhidmatan beliau sekitar tahun 70an, beliau amat dikenali oleh penduduk kampung sebagai seorang Bilal yang mempunyai suara yang nyaring. Ketika itu kentung atau beduk akan dipukul terlebih dahulu sebelum azan dilaungkan. Allahyarham meninggal dunia sekitar 1999.

Terakhir merupakan Jalan Tegas, Kedudukan Jalan Tegas ialah di bahagian belakang Jalan Mat Raji. Panjang jalan ini adalah sekitar 400 meter. Sekiranya anda menuruni jambatan Padang Jawa dari simpang empat (PUSPAKOM) anda perlu jalan terus sekitar 200 meter sebelum memblok ke sebelah kiri. Nama Jalan Tegas ini di ambil sempena ketegasan salah seorang penduduk asal Kampung Padang Jawa Petaling. Beliau adalah Tuan Suradi yang dikenali dengan ketegasannya menangani sesuatu perkara, namun perkara itu mestilah perkara yang benar samada dari keadaan apatah lagi dari segi agama Islam. Beliau yang masih tinggal di jalan tersebut merupakan seorang yang amat dihormati oleh semua orang.

Kajian Lepas

Kajian lepas membantu kami dalam mengkaji dan memahami landskap pengetahuan sedia ada berkaitan dengan topik penyelidikan. Ini membina asas pengetahuan dan memastikan bahawa penyelidik memahami dengan baik konteks penyelidikan mereka. Melalui kajian lepas, penyelidik dapat mengenal pasti ruang atau celah dalam pengetahuan yang sedia ada. Ini membantu merumuskan soalan penyelidikan yang relevan dan memberi sumbangan kepada literatur sedia ada. Penyelidik dapat menggunakan kajian lepas untuk menentukan fokus dan ruang lingkup penyelidikan mereka. Ia membantu menyelaraskan penyelidikan dengan pertanyaan-pertanyaan khusus dan objektif penyelidikan.

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkait dengan kajian yang dijalankan ini iaitu berkaitan dengan sejarah pembentukan kampung di Malaysia. Antaranya adalah kajian yang berkaitan dengan sejarah Kampung Bharu Kuala Lumpur. (Mohamed & Haji Mohd Zen, 2005) Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini pengkaji dapat mengenalpasti tujuan dan kepentingan bagi menjalankan kajian keatas Kampung Padang Jawa. Terdapat juga satu kajian lepas yang berkaitan dengan Kampung Padang Jawa itu sendiri dimana kajian itu telah dijalankan bagi mengenalpasti sejarah awal terbentuknya Kampung Padang Jawa ini.

Sumber Rasmi Negara Online Finding Aids (OFA)

Menurut Online Finding Aids (OFA), hanya terdapat beberapa maklumat yang boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik mahupun generasi akan datang. Ini menunjukkan bahawh kajian mengenai Kampung Padang Jawa masih belum meluas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi merungkai sejarah Kampung Padang Jawa. Oleh itu, hasil daripada carian di OFA, berikut merupakan lampiran ataupun gambar Mbong Yahya, Dato' Haji, Timbalan Menteri Penerangan, Sambutan Maulidur Rasul, Perarakan Sambutan, Kampung Padang Jawa, Klang, Selangor; pada 25 Januari 1981.



Rajah 2: Mbong Yahya, Dato' Haji, Timbalan Menteri Penerangan, Sambutan Maulidur Rasul, Perarakan Sambutan, Kampung Padang Jawa, Klang, Selangor; pada 25 Januari 1981. Sumber OFA.

Hasil Carian Sumber Pelbagai

Dalam usaha untuk mendalami topik secara menyeluruh, pencarian sumber pelbagai telah dilakukan untuk mengumpulkan data dan maklumat yang komprehensif. Melalui rangkaian sumber-sumber seperti kajian penyelidikan lepas, jurnal akademik, laporan kajian, artikel berita, dan sumber digital, kami dapat memperoleh perspektif yang meluas dan mendalam mengenai topik yang dikaji. Setiap sumber memberikan wawasan yang berbeza-beza, merangkumi pendekatan yang berbeza dan hasil kajian yang beraneka ragam, yang memberi ruang untuk analisis yang lebih menyeluruh dan pemahaman yang lebih mendalam tentang perbincangan yang dikemukakan. Hasil carian sumber ini menjadi landasan yang kukuh untuk menyokong argumen dan kesimpulan dalam kajian ini, serta membantu membentuk pandangan yang seimbang dan kritikal terhadap topik yang dikupas.

a) Kajian Penyelidikan Lepas

Artikel Pengekalan Budaya Melayu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak (Hussin & Mohd Yusoff, 2022) ini mengenai pengekalan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang, Gombak. Kampung Padang Balang bersempadan dengan Kuala Lumpur yang merupakan pusat ekonomi, pentadbiran dan sosial. Masyarakat di kampung ini sering mengalami pelbagai cabaran dalam usaha untuk mengekalkan budaya mereka. Permasalahan kajian ini mengenai bagaimana usaha pihak masyarakat di Kampung Padang Balang untuk mengekalkan budaya Melayu daripada pengaruh luar. Objektif kajian ini adalah menganalisis mengenai usaha-usaha masyarakat ini untuk mengekalkan budaya Melayu dalam kehidupan seharian. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini terdiri daripada dua kaedah iaitu kajian lapangan dan kajian keperpustakaan. Kajian lapangan dilakukan di Kampung Padang Balang

dengan menggunakan teknik pemerhatian pasif,pemerhatian ikut serta dan temubual. Kaedah temu bual menggunakan teknik temu bual separa struktur dan temu bual fokus berkumpulan terhadap penduduk kampung yang berautoriti untuk memperolehi data.

b) Google

Berdasarkan carian Google, terdapat lebih daripada 8,440,000 carian mengenai Kampung Padang Jawa tapi ini tidak membuktikan bahawa semua carian untuk melibatkan kajian berkaitan Kampung Padang Jawa dengan lebih mendalam mahupun benar. Hasil carian di Google merangkumi carian artikel, foto, video, media sosial dan sebagainya. Antara kajian yang tiada kaitan dengan Kampung Padang Jawa ialah carian Kampung Jawa iaitu kejiranan kampung sebelah Kampung Padang Jawa, yang mana berkemungkinan melibatkan carian berlebihan ataupun tidak bertepatan dengan sepatutnya. Ini juga telah menimbulkan ketidakpastian di dalam mengkaji sejarah Kampung Padang Jawa.

c) YouTube

Menurut GCF Global, YouTube adalah laman web perkongsian video percuma yang memudahkan untuk menonton video dalam talian. Anda boleh juga membuat dan memuat naik video sendiri untuk dikongsi dengan orang lain. Asalnya dicipta pada tahun 2005, YouTube kini merupakan salah satu laman web yang paling popular di Internet, dengan pengunjung menonton kira-kira 6 billion jam video setiap bulan. (YouTube: What Is YouTube?, n.d.) Di YouTube menunjukkan bahawa terdapat banyak video kehidupan seharian penduduk Kampung Padang Jawa mahupun pelancong atau masyarakat yang datang berurus di kampung tersebut. Ini membuktikan bahawa Kampung Padang Jawa itu wujud dan masih boleh dijadikan rujukan buat penyelidik di masa akan datang.

d) Facebook

Berdasarkan carian di Facebook, maklumat mengenai Kampung Padang Jawa sangat kurang, namun ia menunjukkan bahawa terdapat banyak hasil carian yang melibatkan lokasi makanan kerana ramai pengguna Facebook berkongsi mengenai gerai-gerai makanan yang berada di Jalan Mat Raji, Kampung Padang Jawa. Ini sedikit banyak membantu hasil kajian kerana bukan sahaja untuk kajian sejarah namun terdapat juga hasil ulasan daripada pengunjung mengenai Kampung Padang Jawa.

e) Keratan Akhbar

Hasil carian mengenai Kampung Padang Jawa melalui carian keratan akhbar telah memberikan beberapa topik yang melibatkan Kampung Padang Jawa. Menurut satu blog yang ditemui semasa mencari keratan akhbar berkaitan, Ismail (2014) menulis satu blog mengenai "Padang Jawa - Masih ku Ingat, Dulu Lain Sekarang Lain" dengan melampirkan beberapa keratan akhbar mengenai kejadian dan aktiviti di Kampung Padang Jawa suatu ketika dulu. Ini menunjukkan bahawa terdapat juga maklumat mengenai Kampung Padang Jawa di carian keratan akhbar dan blog. (Ismail, n.d.)

7. METODOLOGI

Temubual ini dilakukan secara kaedah sejarah lisan atau pendokumentasian lisan. Kaedah ini merujuk kepada proses mengumpil, menyimpan dan menyampaikan sejarah melalui lisan. Menurut Lin, Seow (2020) Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi , bukannya teori. Tetapi semasa beberapa dekad yang lepas , para sejarawan lisan telah membangunkan beberapa teori interpretif tentang memori dan subjektiviti , serta struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan tentang masa lalu. Walaupun ia belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas , namun pemahaman kita terhadap memori individu dan kolektif masih jelas dan meningkat. Walaupun begitu,

sejarah lisan masih dianggap oleh majoriti ahli sejarah sebagai suatu metodologi. Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkrip. Kaedah ini juga merupakan salah satu kaedah yang sangat menarik kerana setiap individu yang menjalankan kajian akan bertemu dengan pelbagai keranah dan pengalaman baharu.

Responden kami adalah berdasarkan topik atau tajuk atau tema kajian tersebut. Berdasarkan tema, kami telah memilih Warisan Kampung, maka dengan ini kami telah melakukan carian di laman web mengenai tokoh-tokoh yang boleh di temubual bagi mendapatkan informasi mengenai sejarah warisan kampung tersebut. Responden kami merupakan seorang anak jati Kampung Padang Jawa yang masih lagi menetap sejak 74 tahun.

Encik Suraman bin Mohd Shaher merupakan anak jati Kampung Padang Jawa, Petaling Selangor. Mesra dipanggil Suraman ataupun Wak Man. Beliau telah menetap ni Kampung Padang Jawa sejak lahir. Dilahirkan pada 2 Mac 1949 di Lot 2482 Jalan Tegas, Kampung Padang Jawa Petaling. Anak kedua kepada pasangan Encik Mohd Shaher dan Puan Saniah binti Saring. Wak Man mempunyai seorang abang yang diberi nama Encik Suradi bin Mohd Shaher. Abang Wak Man jarak tujuh tahun lebih tua daripada beliau. Anak jati Kampung Padang Jawa ini memiliki kemahiran bertukang yang mahir membuat segala jenis permintaan seperti rumah. Wak Man mempunyai isteri bernama Radiah binti Bahari. Isteri Wak Man berasal daripada Kampung Sayong Tebing Kuala Kangsar, Perak. Pasangan ini dikurniakan seramai enam orang cahaya mata, empat orang lelaki dan dua orang perempuan. Wak Man membesar di Kampung Padang Jawa dan melihat serta merasa sendiri perbezaan dan perkembangan Kampung Padang Jawa dari zaman 1949 sehingga kini. Terdapat banyak reaksi yang digambarkan oleh Wak Man terhadap perkembangan Kampung Padang Jawa. Tambahan pula, besar hati Wak Man ingin melihat sejarah dan warisan Kampung Wak Man dipelihara. Beliau menyampaikan pesanan agar semua generasi agar mengekalkan keaslian sesuatu tradisi dan inovasikan warisan selari dengan adat dan resam.

Prosedur temubual dijalankan dengan persetujuan daripada responden bagi membuat temu janji untuk sesi temu bual. Sebelum temu bual dijalankan, kami dikehendaki mengumpul beberapa maklumat mengenai kajian dan menyediakan kertas kerja. Pelbagai hasil carian di laman web akan digunakan sepanjang sesi temubual berlangsung. Bahan-bahan carian tersebut akan menjadi bukti dan membantu sepanjang sesi temu bual. Persediaan mental dan fizikal juga perlu bagi menghadapi pelbagai keranah responden, soalan-soalan juga perlu lah yang berasas dan tidak menyentuh sebarang isu sensitif responden.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mengungkapkan serangkaian temuan yang menyeluruh dan mendalam mengenai Sejarah Kampung Padang Jawa. Dengan menggunakan metodologi yang teliti dan berbagai teknik analisis, kajian ini telah menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam tentang peristiwa yang dikaji. Data yang dikumpulkan dari pelbagai sumber, termasuk tinjauan, wawancara, dan analisis statistik, memberikan landasan yang kukuh bagi kesimpulan yang diperoleh. Dalam perenggan-perenggan seterusnya, kami akan menguraikan hasil kajian secara terperinci, termasuk temuan utama, dan implikasi yang relevan.

Dalam kajian ini, kami telah menyelidik perkembangan sejarah dan warisan di Kampung Padang Jawa mengikut objektif:

- ✓ Untuk mendokumentasikan sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa

- ✓ Untuk mengkaji kegiatan aktiviti kebudayaan di Kampung Padang Jawa
- ✓ Untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dilalui pembentukan Kampung Padang Jawa

Bagi mengenali sejarah awal penempatan Kampung Padang Jawa, amatlah penting bagi melakukan penelitian metodologi dan carian yang mendalam bagi mendokumentasikan warisan negara. Melalui kaedah sejarah lisan, segala maklumat sejarah bertulis dan merupakan satu kajian yang menyimpan data-data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Wujudnya sejarah lisan ini dapat menghasilkan penemuan baharu.

Hasilnya, melalui temubual bersama dua tokoh bagi topik Sejarah Kampung Padang Jawa kami iaitu Encik Suraman bin Mohd Shaher dan Haji Hisham bin Parman. Kedua tokoh sangatlah memberikan sumbangan dalam menghasilkan kejayaan pendokumentasian ini. Mereka sangat menitikberatkan warisan kampung dan menggalakan agar generasi muda meneruskan kajian sejarah lisan bagi meneruskan dan mengekalkan sejarah warisan di Malaysia. Mereka juga berharap agar generasi muda tidak leka dengan kemodenan sehingga melupakan tradisi dan warisan asal.

Menurut Encik Suraman bin Mohd Shaher, sejarah Kampung Padang Jawa ini banyak berkembang walaupun bercanggah dari jiwanya, beliau berpendapat bahawa pembangunan moden haruslah dibangunkan dengan kata sepakat penduduk bagi merealisasikan pemodenan di kawasan kampung tersebut. Pembangunan ke arah urbanisasi haruslah searah dengan mengekalkan tradisi kawasan kampung bagi mewujudkan dan mengekalkan lagi suasana kampung. Akhri kata beliau, besar harapannya untuk mengekalkan keaslian Melayu dan Islam di Kampung Padang Jawa. Adat istiadat haruslah seimbang dengan peraturan Islam. Memetik mutiara kata Doktor Fadzilah Kamsah, semak asal, adat dan undang-undang supaya tiada percanggahan. Juga beliau menegaskan bagi mengekalkan warisan negara haruslah dilakukan di seluruh Malaysia, bukan sahaja Kampung Padang Jawa.

Dari sudut pandang Haji Hisham bin Parman pula, selari dengan kemodenan, tidak kisah mengenai perkembangan industri kerana lambat atau cepat pembangunan itu akan berlaku, namun tradisi dan warisan jangan dilupakan. Beliau juga menyeru agar generasi muda menjadikan kampung sebuah kampung yang aman dan damai. Melibatkan diri dalam kepimpinan dan kemasyarakatan agar pelapis generasi bagi tradisi bertambah.

9. KESIMPULAN

Natijahnya, sejarah lisan adalah penting untuk mengkaji, memelihara, memahami, dan menyebarkan warisan budaya dan pengetahuan tradisional. Kajian sejarah lisan adalah penting untuk pelestarian tradisional dan merupakan komponen penting dalam identiti budaya masyarakat. Sejarah lisan membantu melindungi kekayaan linguistik dengan merakam warisan tradisional. Sejarah lisan memberikan pemahaman yang lebih baik tentang pelbagai aspek budaya, termasuk kebiasaan, nilai dan kepercayaan masyarakat. Ini membolehkan penyelidikan tentang aspek kehidupan kebudayaan yang mungkin tidak tercatat secara formal.

Oleh itu, sejarah lisan mempunyai batasan yang harus diambil cakna bagi semua penyelidik dan pengkaji warisan sejarah bangsa. Segala kelemahan akan membantu kita menjadi luar biasa dengan melalui pengalaman dan kenangan. Hal ini kerana sejarah lisan sangat membawa banyak manfaat dan amat penting dalam memantapkan penulisan dan penyelidikan.

Penghargaan: Dengan kerendahan hati, kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama Encik Suraman bin Mohd Shaher dan Haji Hisham bin Parman dalam membuat kajian ini menjadi kenyataan. Keberhasilan projek ini adalah hasil dari kerja bersama dan kontribusi individu yang berharga seperti yang anda lakukan. Tidak dilupakan juga kepada Encik Jafalizan Md Jali dalam berkongsi ilmu, idea dan pendapat serta membentuk persona dan menyunting kajian kami hingga menjadi sebuah kajian yang dapat membantu para penyelidik di masa hadapan.

RUJUKAN

- Carian umum.* (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kampung+1&d=175768&>
- Contributors to Wikimedia projects. (2023, December 6). *Kampung*. Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kampung>
- Faiz Nur Rasyiqah Rauqah, Jafalizan Md Jali, Wan Muhammad Nuzul Iekuel (Editor: Afdallyna Harun, KPPIM News Team). (2023, December 21). *UiTM Unearths Kampung Padang Jawa's Rich History through Oral Documentation*. UiTM News Hub. <https://news.utm.edu.my/utm-unearths-kampung-padang-jawas-rich-history-through-oral-documentation/>
- Ismail, H. I. H. (n.d.). *Berita Kampung Padang Jawa di dada akhbar*. <https://padangjawaku.blogspot.com/2014/12/berita-padang-jawa-di-dada-akhbar.html>
- Lin, S. H. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ? *ResearchGate*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.27531.31527>
- Kampung spirit: A journey through Malaysia's traditional village life.* (n.d.). <https://www.bbc.com/storyworks/travel/selamat-kembali-to-malaysia/kampung-spirit-a-journey-through-malaysias-traditional-village-life>
- KAMPUNG TRADISI* | Dewan Negeri Selangor. (2020, December 18). Dewan Negeri Selangor. <https://dewan.selangor.gov.my/question/kampung-tradisi-2/>
- Khazin Mohd. Tamrin.(1978). Orang Jawa di Selangor Kedatangan dan Penempatan.Jebat (7/8), 68 - 85.
- Khazin Mohd. Tamrin (1984). Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880 – 1940. Kuala Lumpur: DBP. (Kat D 595.2 .J4.K45 n.5)
- Mohamed, S., & Haji Mohd Zen, L. (2005). Sejarah Kampung Bahru: Di Sini Awal Segalanya Bermula (2005th ed.) [Book]. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). <https://virtualgallery.utm.my/wp-content/uploads/2021/03/Sejarah-Kampung-Bharu-buku.pdf>
- Noriah Mohamed. (2001). *Jawa Di Balik Tabir*. Bangi: Penerbit UKM. (42 PL 5161.N67 n.5)
- Portal rasmi PDT Petaling Mukim Bukit Raja: *Kampung Padang Jawa*. (n.d.). <https://www.selangor.gov.my/petaling.php/pages/view/46?mid=140>
- Portal rasmi PLANMalaysia - Utama. (n.d.). <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/1107>
- Hussin, N. Q. N., & Mohd Yusoff, M. Y. (2022). Pengekalan Budaya Melayu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak: Cultural Preservation in The Malay Kampung Padang Balang, Gombak. *JURNAL WACANA SARJANA*, 6(3). <https://jurnalarticle.ukm.my/20424/1/475-Article%20Text-685-1-10-20220712.pdf>

Riezman, S. (n.d.). *PROFAIL KAMPUNG*. <https://padangjawapetaling.blogspot.com/p/profail-kampung.html>

Suleiman M. & Lokman M. (1999). Sejarah kampung bahru : di sini awal segalanya bermula. Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universitas Islam Indonesia. (2017, August). BAB II. <https://dspace.uii.ac.id/>.
<https://dspace.uii.ac.id/bitstream/handle/123456789/20414/05.2%20bab%202.pdf?sequence>

Universiti Sains Malaysia, Mohamad Saad, S. R., Jan Mohamad, R. B., Che Jaafar, C., & Wan Jan, N. A. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN. Jurnal PPM, 6, 63–76. http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf

Universiti Teknologi MARA Shah Alam. (2015, December). Kisah Disebalik Asal Usul Nama Kampung Di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai. ir.uitm.edu.my. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35752/1/35752.pdf

YouTube: What is YouTube? (n.d.). GCFGlobal.org. <https://edu.gcfglobal.org/en/youtube/what-is-youtube/1/>